



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

BIL. 1/2023

**PERIZABAN TANAH KERAJAAN DALAM KAWASAN PENEMPATAN
BERKELOMPOK DI BAWAH SEKSYEN 8, AKTA TANAH (KAWASAN
PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960 [AKTA 530]**

1. TUJUAN

Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai perizaban tanah kerajaan dalam kawasan penempatan berkelompok di bawah seksyen 8, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530].

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (KPTG) telah mengeluarkan Pekeliling KPTG Bilangan 18/2022 – Merizabkan Tanah Dalam Kawasan Penempatan Berkelompok Selaras Dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] Bagi Kegunaan Kerajaan Persekutuan.
- 2.2. Perkara penting yang dimaklumkan dalam pekeling tersebut adalah seperti berikut:

- 2.2.1. Tiada peruntukan pemboleh dalam Akta 530 yang membenarkan Pihak Berkuasa Negeri meluluskan pemberimilikan tanah dalam kawasan penempatan berkelompok kepada Kerajaan Persekutuan bagi maksud awam atau untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan selaras dengan Senarai Pertama atau Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.
- 2.2.2. Bagi membolehkan infrastruktur awam atau aktiviti bagi maksud Kerajaan Persekutuan selain utiliti awam dapat dibina atau dikawal dan diselenggara oleh Kerjaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri perlu merizabkan sesuatu tanah dalam kawasan penempatan berkelompok untuk maksud awam melalui peruntukan seksyen 8 Akta 530.
- 2.2.3. Pegawai Pengawal bagi perizaban tersebut adalah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Pewartaan bagi maksud perizaban tersebut boleh dilaksanakan oleh Pentadbiran Tanah Negeri seakan tindakan pewartaan untuk maksud awam seperti peruntukan seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 828].
- 2.2.4. Pekeliling KPTG Bilangan 17 Tahun 1976 bertajuk “Merizabkan Tanah Di Dalam Kawasan Penempatan Berkelompok (Group Settlement Area) Untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan (Disemak) 2009)” adalah dibatalkan.

3. PELAKSANAAN

- 3.1. Permohonan untuk merizabkan tanah dalam kawasan penempatan berkelompok hendaklah menggunakan peruntukan seksyen 8 Akta 530.

- 3.2. Semua permohonan untuk merizabkan tanah Kerajaan dalam kawasan penempatan berkelompok hendaklah diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan **kecuali** bagi tujuan yang telah diwakilkan kuasa kepada Pentadbir Tanah dan telah diwartakan melalui WKNS No: 271 bertarikh 7 Julai 2011 seperti berikut:

“Merizabkan tanah Kerajaan bagi maksud awam untuk tujuan kawasan lapang, padang, taman rekreasi, taman permainan kanak-kanak, surau, masjid, balai raya, dewan orang ramai, *oxidation pond*, *retention pond*, *reservoir*, tangki air dan kompleks sukan di kawasan pembangunan dan kawasan-kawasan yang tidak terancang”.

- 3.3. Semua permohonan daripada **Pesuruhjaya Tanah Persekutuan** untuk merizabkan tanah Kerajaan dalam kawasan penempatan berkelompok hendaklah diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan **kecuali** bagi tujuan tapak sistem dan perkhidmatan pembentungan (*oxidation pond*) dan telah diwakilkan kuasa kepada Pentadbir Tanah yang telah diwartakan melalui WKNS No: No: 271 bertarikh 7 Julai 2011 seperti berikut:

“Merizabkan tanah Kerajaan bagi maksud awam untuk tujuan kawasan lapang, padang, taman rekreasi, taman permainan kanak-kanak, surau, masjid, balai raya, dewan orang ramai, *oxidation pond*, *retention pond*, *reservoir*, tangki air dan kompleks sukan di kawasan pembangunan dan kawasan-kawasan yang tidak terancang”.

- 3.4. Walau bagaimanapun, bagi permohonan daripada **Pesuruhjaya Tanah Persekutuan** untuk merizabkan tanah Kerajaan **yang asalnya** adalah dalam kawasan penempatan berkelompok tetapi **telah ditamatkan** di bawah seksyen 44, Akta 530 dan telah dibuat **pengambilan tanah** di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, kuasa melulus atau menolak telah diwakilkan kepada Pentadbir Tanah dan telah diwartakan melalui WKNS No: 271 bertarikh 7 Julai 2011 seperti berikut:

“Meluluskan atau menolak permohonan merizabkan tanah kepada Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan dan badan berkanun yang diambil oleh Kerajaan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan dan badan berkanun itu”.

4. **TARIKH KUATKUASA**

4.1. Arahan ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling KPTG Bilangan 18/2022 – Merizabkan Tanah Dalam Kawasan Penempatan Berkelompok Selaras Dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] Bagi Kegunaan Kerajaan Persekutuan.

4.2. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(AMINO AGOS BIN SUYUB)

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 6 Januari 2023

Rujukan : Bil (25) dlm. PTGNS.10/17 klt.4